

PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN PENDAFTARAN KENDERAAN MOTOR

PERHATIAN :

- I) Gunakan SATU borang untuk SATU jenis permohonan sahaja.
- II) Tulis dengan terang dan jelas. Sila gunakan HURUF BESAR.
- III) Gunakan satu petak bagi setiap huruf atau angka. Tinggalkan satu petak kosong di antara perkataan.
- IV) Gunakan ejaan ringkas jika ruangan tidak mencukupi.

BAHAGIAN A. JENIS PERMOHONAN

Gunakan kod berikut (pilih satu sahaja)

- 00 - PENDAFTARAN BARU DENGAN NOMBOR AUTOMATIK
- 01 - PENDAFTARAN BARU DENGAN NOMBOR AUTOMATIK SERTA PERTUKARAN NOMBOR PENDAFTARAN
- 02 - PENDAFTARAN BARU DENGAN NOMBOR TENDER
- 03 - PENDAFTARAN BARU DENGAN NOMBOR TENDER SERTA PERTUKARAN NOMBOR PENDAFTARAN
- 06 - PENDAFTARAN BARU TRAILER
- 18 - PENDAFTARAN SEMULA KENDERAAN MOTOR

BAHAGIAN B. BUTIR-BUTIR PEMOHON DAN KENDERAAN MOTOR YANG HENDAK DIDAFTARKAN

4. No. KP/Pasport/Polis/Tentera/
Syarikat/Pertubuhan

Orang awam Malaysia isikan nombor kad pengenalan.
Bukan rakyat Malaysia isikan nombor pasport.
Polis atau Tentera isikan nombor polis atau tentera.
Syarikat/Pertubuhan isikan nombor pendaftaran syarikat/pertubuhan.
Contohnya - 123456-10-0956, isikan:

1	2	3	4	5	6	1	0	0	9	5	6
---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---	---

5. Kategori Pemunya

Gunakan kod seperti berikut :

- | | | |
|-------------------------|--------------------------------|--------------------------------|
| 1 - Orang awam Malaysia | 2 - Anggota Polis | 3 - Anggota Tentera |
| 4 - Syarikat/Pertubuhan | 5 - Kerajaan | 6 - Badan Berkanun |
| 7 - Sijil Kelahiran | 8 - Resit Pengenalan Sementara | 9 - Bukan warganegara Malaysia |

6. Nama

Isikan nama seperti di dalam kad pengenalan / pasport / kad polis / tentera.
Bagi syarikat / perniagaan isikan seperti di dalam sijil pendaftaran syarikat atau pertubuhan.

7. Alamat

Isikan alamat kenderaan / alamat berdaftar.

13. Status Asal

Gunakan kod seperti berikut:-

- | | | |
|--|-----------------------------------|-----------------------|
| A Kenderaan Import Baru | B Kenderaan Import Terpakai | C Pemasangan Tempatan |
| D Binaan Tempatan | E Pemasangan & Pembinaan Tempatan | |
| F Pemasangan Tempatan dari Komponen impot terpakai | G Pembinaan Semula | |

16. Bahan Bakar

Gunakan kod seperti berikut:-

- | | |
|--|------------------------------------|
| 0 -Petro | 1 -Disel |
| 2 -Gas Petroleum Cecair | 3 -Petrol dan Gas Petroleum Cecair |
| 4 -Gas Asli untuk Kenderaan Motor(NGV) | 5 -Petrol dan NGV |
| 6 -Disel dan NGV | 7 -Diesel Hijau |
| 8 -Diesel Hijau dan NGV | 9 -Lain-lain |

17 .Warna

Tuliskan warna kenderaan tersebut. Contoh - MERAH, BIRU, HIJAU

18. B.D.M (kg)

Berat Dengan Muatan

19. Kegunaan

Tuliskan kegunaan kenderaan tersebut. Contoh - PERSENDIRIAN MOTOSIKAL

20. B.T.M (kg)

Berat Tanpa Muatan

21. Buat

Tuliskan nama pembuat. Contoh - PROTON, HONDA, TOYOTA

22. B.T.T (kg)

Berat Trak Trailer

24. Berat Kerb (kg)

Berat tanpa muatan bagi Pengerak Utama

25. Jenis Badan

Tuliskan keterangan jenis badan kenderaan tersebut. Contoh - MOTOKAR, VAN, BAS

26. B.G (kg)

Berat Gandar

38. Nama Pihak Menuntut

Tuliskan nama SYARIKAT KEWANGAN yang berhak membuat tuntutan hakmilik atau KERAJAAN jika hakmilik dituntut oleh kerajaan

39. No. Siri Tuntutan

Tuliskan nombor siri surat tuntutan hakmilik yang dikeluarkan oleh SYARIKAT KEWANGAN atau nombor rujukan surat tuntutan hakmilik dari KERAJAAN

BAHAGIAN C. BUTIR-BUTIR KENDERAAN LAMA

1. No. Pendaftaran Kenderaan
Lama

Tuliskan nombor pendaftaran kenderaan yang hendak di buat penukaran nombor dengan kenderaan baru tersebut

2. No. Enjin

- Tuliskan nombor enjin bagi kenderaan lama tersebut.

3. No. Casis

- Tuliskan nombor casis kenderaan lama tersebut.